SAMPEL PERCUMA

Soalan Penulisan Bahasa Melayu Tahun 5 + Contoh Jawapan

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 5

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >


nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

BAHAGIAN A
[10 *markah*]
[*Masa dicadangkan* : 15 *minit*]

Gambar di bawah menunjukkan peta pelancongan di negeri Pahang.

Tulis **lima** *ayat yang lengkap tentang peta pelancongan tersebut.*



1. _____

_____

2. _____

_____

3. _____

_____

4. _____

_____

5. _____


_____

BAHAGIAN B
[15 *markah*]
[*Masa dicadangkan : 25 minit*]

Graf bar menunjukkan bilangan kes demam denggi bagi empat buah negeri pada suatu tahun dan maklumat yang berkaitan dengan demam denggi.

Tulis ulasan tentang **kes demam denggi** *dalam bentuk perenggan.*

Panjangnya ulasan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan.**



BAHAGIAN C
[25 *markah*]
[*Masa dicadangkan* : 35 *minit*]

Bahagian ini mengandungi dua soalan. Jawab **satu soalan** *sahaja.*

Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 80 hingga 120 patah perkataan**.

Soalan 1

Kawasan di tempat tinggal kamu sering terganggu dengan masalah remaja nakal yang sering membuat bising dan merosakkan harta benda awam.

Tulis sepucuk surat kepada pihak berkuasa tempatan untuk memohon mereka membuat pemantauan terhadap masalah tersebut.

ATAU

Soalan 2

Aku segera mencapai basikal. Barang yang ibu pesan aku masukkan di dalam bakul. Aku terpaksa melalui jalan pintas untuk pulang ke rumah. Semasa melalui simpang…

Mulakan cerita kamu dengan "Semasa melalui simpang…"

Tulis cerita kamu itu selengkapnya.

SKEMA JAWAPAN

BAHAGIAN A

1. Terdapat pulau-pulau menarik di negeri Pahang untuk dikunjungi oleh para pelancong dari dalam dan luar negara seperti Pulau Tioman dan Pantai Cherating.

2. Taman Negara Pahang menyediakan pelbagai tarikan pelancongan tentang habitat flora dan fauna untuk diterokai.

3. Pelancong yang ingin merasai suasana sejuk dan dingin pula berpeluang untuk ke Tanah Tinggi Cameron dan juga Tanah Tinggi Genting.

4. Kepada pecinta alam semula jadi, Gua Kelam sesuai untuk diterokai dan dilawati kerana destinasi ini mempunyai daya tarikannya yang tersendiri.

5. Pelancong yang ingin melihat dan mengetahui tentang pemuliharaan gajah dengan lebih dekat disarankan untuk berkunjung ke Kuala Gandah.

BAHAGIAN B

Graf bar menunjukkan 25 385 kes demam denggi bagi empat buah negeri bagi suatu tahun. Selangor mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 18 256 kes manakala Negeri Sembilan mencatat 1 568 kes. Negeri Johor sebanyak 2 477 kes dan Perak sebanyak 3 066 kes. Kes demam denggi dapat dielakkan sekiranya individu melindungi diri daripada gigitan nyamuk Aedes. Selain itu, masyarakat hendaklah memusnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes. Kempen yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan juga dapat memberikan pendidikan tentang isu ini. Kesimpulannya, semua pihak perlu bekerjasama mencegah pembiakan namuk Aedes.

[Lihat halaman sebelah

BAHAGIAN C

Soalan 1

Ahmad Syakirin bin Zailani,
B-02-04, Pangsapuri Delima,
50470, Bangsar,
Kuala Lumpur.

Pegawai Daerah,
Kompleks Kerajaan,
52000 Kuala Lumpur. 18 Mei 2021

Tuan,

Aduan Masalah Gangguan Remaja Nakal dan Tingkah Laku Musnah

Merujuk perkara di atas, saya selaku penduduk di Kawasan Pangsapuri Delima ingin mengadu kepada pihak tuan tentang masalah gangguan remaja nakal dan tingkah laku musnah yang semakin berleluasa.

2. Sejak belakangan ini, masalah berhubung jenayah di kawasan kami agak tinggi. Setiap hari ada sahaja aduan tentang kehilangan motosikal, remaja melepak, menghisap rokok dan mengambil dadah di kawasan tangga bangunan pangsapuri.

3. Selain itu, harta benda awam seperti lif-lif dan peralatan permainan kanak-kanak di tempat riadah juga turut dirosakkan oleh mereka.

4. Sehubungan ini, penduduk bertindak dengan mengadakan rondaan, namun mereka pula menerima ancaman daripada kumpulan remaja nakal terbabit. Oleh itu, kami amat berharap pihak tuan dapat memberikan perhatian segera akan hal ini agar masalah ini dapat diselesaikan dengan segera.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Ahmad

……..
(AHMAD SYAKIRIN BIN ZAILANI)
Wakil Penduduk,
Pangsapuri Delima.

[Lihat halaman sebelah

Soalan 2

Semasa melalui simpang, aku ternampak sebuah van berwarna putih berhenti di tepi jalan. Aku berasa tidak sedap hati.

Aku bersembunyi di sebalik sebatang pokok yang besar. Aku terdengar suara seorang budak perempuan menjerit meminta tolong. Suara itu seperti aku pernah dengar. Aku berdebar-debar.

Aku sempat mencatat nombor plat van tersebut. Kelihatan tiga orang lelaki dewasa berada di dalam van. Sebaik sahaja van tersebut meninggalkan tempat itu, aku segera ke tempat kejadian. Aku terkejut apabila ternampak basikal anak perempuan jiranku.

Tiba sahaja di rumah, aku menceritakan hal tersebut kepada ibu dan terus ke rumah jiranku. Tanpa berlengah lagi, kami membuat laporan polis. Pihak polis mendapatkan butir-butir dan segera bertindak membuat siasatan di tempat kejadian. Jiranku, Mak Cik Halimah menangis kerana bimbangkan anaknya, Suzana.

Tindakan pantas pihak polis berjaya memberkas penjenayah yang menculik Suzana pada malam itu juga. Kami bersyukur kerana Suzana selamat walaupun dia masih dalam kondisi trauma.

Mak Cik Halimah mengucapkan terima kasih kepadaku dan pihak polis. Maklumat yang aku beri sangat membantu menyelamatkan Suzana daripada menjadi mangsa penculikan kanak-kanak.

[Lihat halaman sebelah

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Latihan BM Tahun 1–6

Tahun 5

Sampel ini: 6 muka surat. Set penuh ada:

- 2 fail PDF
- Tahun 1–3: tatabahasa ikut topik + jawapan
- Tahun 2, 4, 5, 6: himpunan modul tatabahasa dan kertas latihan
- Praktis UASA BM Tahun 4–6: 3 set + skema
- Latihan penulisan karangan

RM9.90

BELI SET PENUH RM9.90 >

nightmew.com/p/latihan-bahasa-melayu-tahun-1-6 · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar